

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 7 DISEMBER (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan cabaran dan ketidaktentuan geopolitik serantau dan di seluruh dunia yang perlu diberikan perhatian oleh negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Cheras** atas pertanyaan yang dikemukakan berkenaan cabaran dan ketidaktentuan geopolitik dunia yang perlu diberi perhatian oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia berada di kedudukan geografi yang strategik iaitu di tengah-tengah rantau Asia Tenggara dan bersempadan dengan laluan perkapalan utama dunia iaitu Selat Melaka dan Laut China Selatan. Adalah penting bagi Malaysia untuk memastikan kedua-dua perairan ini kekal bebas dari dikuasai oleh mana-mana kuasa besar, kerana sebarang konflik yang bersifat ketenteraan di perairan tersebut akan menjejaskan kemakmuran ekonomi di rantau ini khususnya, dan di seluruh dunia amnya. Keperluan

untuk mengekalkan keamanan dan kebebasan perairan-perairan ini adalah suatu cabaran bagi Malaysia dan negara-negara serantau.

3. Malaysia memberi perhatian serius terhadap beberapa krisis politik dalaman yang sedang berlaku di beberapa buah negara ketika ini. Krisis-krisis politik dalaman tersebut boleh menjejaskan peluang dan potensi pelaburan Malaysia di samping menjejaskan hubungan dua hala yang telah dijalin erat sebelum ini.

4. Sebagai sebuah negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan di atas prinsip kemanusiaan, keadilan dan solidariti Islam, Malaysia terus memberi perhatian berat dan komited terhadap Proses Damai Timur Tengah melibatkan Palestin dan Israel yang telah berlanjutan sekian lama. Malaysia terus menggunakan peluang yang ada di pentas antarabangsa untuk mencapai perdamaian yang berkekalan di rantau itu. Malaysia juga kesal dengan peperangan yang masih berterusan di Yemen. Ia telah mengorbankan banyak nyawa dan harta benda, selain mengakibatkan krisis kemanusiaan yang serius.

5. Di dalam konteks yang lebih luas, Malaysia turut memberi perhatian kepada situasi tidak menentu akibat persaingan kuasa politik dan ekonomi oleh dua kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat dan China. Sebagai sebuah negara yang berkecuali, Malaysia mengekalkan hubungan yang rapat dengan kedua-dua kuasa besar tersebut di dalam pelbagai bidang. Amerika Syarikat dan China juga merupakan di antara rakan dagang yang terpenting bagi Malaysia. Konflik terbuka di antara mereka perlu dielakkan kerana ia mengancam keamanan dan kestabilan dunia.

Sekian, terima kasih.